# Penggerak industri digesa segera berdaftar dengan PIKAS

Saadiah Ismail - Jun 21, 2021 @ 2:58pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Dua juta pekerja sektor pembuatan dijangka capai imuniti kelompok September ini. Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memperkenalkan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) khusus untuk pekerja di bawah sektor pembuatan, bermula 16 Jun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pihaknya sedia maklum data daripada Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan kebanyakan kluster baharu timbul dari tempat kerja.

Katanya, justeru PIKAS dilaksanakan bagi mengelakkan jangkitan virus daripada terus meningkat dalam kalangan pekerja terutama subsektor pembuatan.

"Saya faham mungkin ada yang menyoal kenapa sesetengah sektor itu dibenarkan beroperasi sedangkan sekarang negara di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Keputusan membenarkan sektor pembuatan dibuka kerana ia adalah sebahagian daripada rantaian bekalan produk dan perkhidmatan yang perlu termasuk untuk menyokong kelancaran fungsi infrastruktur seperti penjagaan kesihatan awam.

"Namun bagi syarikat yang beroperasi tanpa kelulusan MITI, pihaknya tidak teragak-agak untuk memberi kompaun kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya dalam hantaran di media sosialnya, hari ini.

Azmin berkata, justeru MITI menyasarkan sekurang-kurangnya dua juta pekerja sektor pembuatan akan mencapai imuniti kelompok selewat-lewatnya September ini.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

9m Polis Manchester tahan aktivis pro-Palestin
11m Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS
18m Ambil peduli isu alam sekitar
36m Tajam Minda
40m Masuk hutan 50km suntik vaksin pada Orang Asli
43m Nazim tekad menyerlah di Hungaroring
54m Jalan Raja Muda Abdul Aziz ditutup 3 hari
55m EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran

VAKSIN

AMERIKA 3 jam yang lepas
Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin

NASIONAL 11 jam yang lepas
Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan

NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:43pm
PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi

NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:22pm
Vaksin CanSino satu dos guna untuk golongan pelarian

NASIONAL Jun 21, 2021 @ 3:33pm
Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas usaha Malaysia percepat imunisasi

NASIONAL Jun 21, 2021 @ 2:40pm
3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini

TRENDING



BOLA sejam yang lepas
EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran

BOLA 3 jam yang lepas
Ronaldo, Messi bergabung di Barcelona?

BOLA 4 jam yang lepas
EURO: Penonton ceroboh padang, iklan wang kripto

BOLA Jun 21, 2021 @ 8:16pm
Nike bavar Ronaldo RM845 iuta

"Bagaimanapun, bagi merealisasikannya, ia juga perlu bergantung kepada bekalan vaksin termasuk tenaga kerja dari segi bilangan doktor dan pasukan kesihatan yang ditempatkan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS.

"Justeru, industri yang belum mendaftar dengan PIKAS, perlu segera berbuat demikian bagi mencapai tahap imuniti kelompok negara dan kembali kepada kehidupan biasa dengan norma baharu.

"Difahamkan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan KKM memberi jaminan akan menerima lebih banyak dos vaksin menjelang Ogos nanti," katanya.

SELEBRITI Jun 21, 2021 @ 6:09pm
Rita nak bersara, hantar anak sekolah tahfiz

MYRESIPI

TIPS & PETUA Jun 21, 2021 @ 2:16pm
Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!

RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm
Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam

TIPS & PETUA Jun 18, 2021 @ 3:12pm
Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini

RESEPI Jun 18, 2021 @ 3:10pm
Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!

TIPS & PETUA Jun 17, 2021 @ 3:16pm
Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng

IKUTI KAMI DI:

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi